

MUKJIZAT WUDUK KE ATAS ROHANI DAN JASMANI MANUSIA
(Physical And Spiritual Miracles Of Muslims' Ablution)

Qurrotul Aien Bt Fatah Yasin

ABSTRACT:

Ablution is a form of worship that has been obligated by Allah (s.w.). It has many advantages related to physical and spiritual aspects of Humans. The obligation for performing ablution was clearly and distinctly mentioned only once in the Qur'an. In spite of that, the word wudu' (ablution) itself was not stated to describe this act of ibadah. Instead, the word "cleansing" was used to describe this ibadah which emphasizes the importance of the reason for performing this act. The study used printed, electronic and authoritative websites as reference materials to collect data and then analyze it. Debate on miracles of ablution highlights two main aspects found in all human being physical and spiritual aspects. Ablution helps to write off small sins, teaches good attitude, raises the status of a muslim in the sight of Allah and forms positive aura in human body. Similarly, the effect of ablution on human health and personal hygiene is a scientific discovery that can strengthen the faith of Muslims towards the wisdom of every obligation and rule in Islam. Performing ablution in the correct way should be able to prevent Muslims from various chronic diseases. Thus, introducing miraculous aspects of ablution encourages those interested in this field to use ablution as a healing therapy to avoid and cure many diseases.

Keywords: *Wudu', worship, therapy, physical and spiritual.*

ABSTRAK:

Ibadah wuduk yang telah disyariatkan oleh Allah mempunyai kelebihan luar biasa yang sentiasa bertindak-balas dengan diri manusia. Dalam al-Quran, pensyariatan wuduk hanya dinyatakan sekali sahaja secara jelas dan nyata, namun ia tidak menggunakan perkataan wuduk untuk menjelaskan ibadah tersebut. Al-Quran hanya menggunakan perkataan bersuci untuk menjelaskan ibadah wuduk sebagai menekankan hikmah penting yang tersirat di sebalik ibadah ini. Melalui metodologi kajian keperpustakaan, data-data berkaitan mukjizat wuduk ke atas rohani dan jasmani manusia dikumpulkan, kemudian dianalisis. Kajian ini memanfaatkan bahan-bahan rujukan bercetak, bahan rujukan elektronik dan laman-laman web yang berautoriti sebagai bahan rujukan. Perbahasan kajian mukjizat wuduk ini menyorot dua unsur utama yang terdapat pada diri setiap manusia iaitu rohani dan jasmani. Ibadah wuduk mampu menggugurkan dosa, mendidik sifat mahmudah, mengangkat darjah seorang hamba di sisi Allah dan membentuk aura positif dalam diri manusia. Demikian juga kesan wuduk ke atas kesihatan dan kebersihan diri individu adalah penemuan sains akhir zaman yang mampu meneguhkan akidah umat Islam terhadap hikmah di sebalik setiap syariat. Ibadah wuduk yang dilaksanakan dengan kaedah yang tepat sepatutnya dapat menghindarkan umat Islam daripada pelbagai penyakit kronik. Pendedahan mukjizat wuduk ini dilihat dapat meneguhkan keyakinan pihak berkaitan untuk menjadikan wuduk sebagai terapi yang baik dalam menghindari serta mengubati pelbagai penyakit.

Kata Kunci: *Wuduk, ibadah, terapi, rohani dan jasmani*

PENDAHULUAN

Wuduk dari segi bahasa membawa maksud elok dan bersih.¹ Manakala dari segi istilah pula, wuduk bermaksud membasuh dan menyapu anggota-anggota tertentu dengan niat tertentu.² Menurut Kamus Dewan, wuduk ialah perbuatan menyucikan diri dengan air (sebelum beribadah, seperti bersembahyang).³

Al-Quran pula merupakan Kalam Allah swt yang diturunkan (diwahyukan) kepada Nabi Muhammad saw dan membacanya adalah ibadah.⁴ Mukjizat ialah suatu kelebihan luar biasa yang dikurniakan kepada para nabi yang melemahkan musuh ketika diancam.⁵ Mukjizat juga membawa maksud kejadian luar biasa kurniaan Allah kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran mereka.⁶ Rohani ialah perkara batin yang berkaitan dengan jiwa seseorang.⁷ Jasmani pula ialah tubuh badan manusia.⁸

Dengan itu, maka kajian ini merupakan suatu bentuk penelitian ke atas kelebihan luar biasa yang terdapat dalam ibadah wuduk khususnya kepada tubuh badan manusia yang zahir maupun batin. Kajian ini bertujuan mencungkil kelebihan wuduk agar dapat dijadikan sebagai suatu kaedah penjagaan kesihatan dan rawatannya secara rasmi di pusat-pusat perubatan. Begitu juga setiap bukti yang diperolehi daripada kajian mukjizat wuduk ini adalah penting bagi memberi keyakinan kepada setiap individu agar sentiasa berusaha mengekalkan wuduk sebagai suatu ibadah yang baik untuk kesihatan jasmani dan rohani.

Islam sangat menggalakkan ibadah wuduk, bahkan ia sampai ke tahap wajib jika ia dilaksanakan untuk tujuan mendirikan solat. Tidak ada solat yang boleh dilakukan tanpa berwuduk terlebih dahulu. Ini sesuai dengan pensyariatan wuduk yang berlaku serentak dengan turunnya perintah solat ke atas seluruh umat Islam.⁹

Demikian sabda Rasulullah saw:

"لَا تُنْبَأُ صَلَةً مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَتَوَضَّأَ"

Maksudnya:

¹ *Al-Qamus al-Muhit*, Muhammad bin Ya'qub al-Fairuzabadi, h.55, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1998.

² *Al-Taufiq 'Ala Muhimmat al-Ta'arif*, Muhammad 'Abdul Rauf al-Minawi, Muhammad Ridhwan al-Dayah (ed.), j. 1, h. 728, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 1410 H; *Al-Ta'rifat*, 'Ali bin Muhammad bin 'Ali al-Jurjani, Ibrahim al-Abyari (ed.), j.1, h.327, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, 1405H.

³ *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Hajah Noresah bt Baharom, h.1807, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

⁴ *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*, Manna' al-Qattan, h.21, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1997.

⁵ *Al-Qamus al-Muhit*, Muhammad bin Ya'qub al-Fairuzabadi, h.6516, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1998.

⁶ *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Hajah Noresah bt Baharom, h.856.

⁷ *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Hajah Noresah bt Baharom, h.1690.

⁸ *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Hajah Noresah bt Baharom, h.352.

⁹ *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*, 'Abdul Rahman bin Abi Bakr bin Muhammad al-Suyuti, h.86, Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum, t.t.

"Tidak diterima solat seseorang yang berhadas sehingga dia berwuduk."¹

Wuduk juga merupakan pengenalan diri umat Rasulullah saw di akhirat kelak sebagaimana sabda Baginda saw ketika menjawab persoalan daripada para sahabat ra: "Ya Rasulullah, engkau mengenali kami, bagaimana dengan umatmu yang engkau tidak kenal?" Baginda saw menjawab persoalan mereka dengan satu soalan:

اَرَأَيْتَ لَوْ اَنَّ رَجُلًا لَمْ يَحِلْ عُرْمَةً مُحَمَّدًا بَيْنَ ظَهَرِيْنِ خَيْلٍ دُبْمٍ بِئْمٍ اَلَا يَعْرُفُ خَيْلَهُ

Maksudnya:

"Apakah pendapatmu sekiranya ada seekor kuda yang berkepala putih dalam kalangan 100 ekor kuda hitam, bolehkah kamu mengenalinya?" Para sahabat ra menjawab: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ "Sudah tentu wahai Rasulullah". Kemudian Baginda saw bersabda: قَلَّ مَنْ يَعْرُفُ عُرْمَةً مُحَمَّدًا "Sesungguhnya umatku akan datang dengan wajah yang berbahaya (kesan daripada) wuduk".²

Hadith ini jelas menunjukkan betapa besarnya hikmah wuduk sehingga Baginda saw dapat mengenali umatnya di padang mahsyar hanya dari wajah yang berbahaya kesan daripada kesempurnaan wuduk seseorang semasa di dunia.

Melalui metodologi kajian keperpustakaan, data-data berkaitan mukjizat wuduk ke atas rohani dan jasmani manusia akan dikumpulkan dan dianalisis. Kajian ini memanfaatkan bahan-bahan rujukan bercetak, bahan rujukan elektronik dan laman-laman web yang berautoriti sebagai bahan rujukan.

WUDUK DALAM AL-QURAN

Al-Quran tidak pernah menyebut kalimah wuduk secara jelas dan nyata. Sebaliknya, pensyariatan wuduk dalam al-Quran telah dinyatakan secara langsung dan tidak langsung dengan penggunaan kalimah yang berbeza.

PENSYARIATAN WUDUK SECARA LANGSUNG DALAM AL-QURAN

Satu-satunya ayat al-Quran yang menjelaskan tentang ibadah wuduk secara nyata telah disebut dengan menyatakan kaedah berwuduk seperti dalam firman Allah:

¹ Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah saw wa Sunanahi wa Ayyamih, Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, Mu'ammar Zuhair bin Nasir al-Nasir (ed.), j.1, Bab Pada Menyatakan Mengenai Wudhu', h.39, hadis no.135, Sahih, t.t: Dar Tuq al-Najah, 1422H; Sahih Muslim, Muslim bin al-Hajjaj Abi al-Hasan al-Naisaburi, Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (ed.), j.1, Bab Kewajipan Bersuci, h.204, hadis no.225, Sahih, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2010.

² Sahih Muslim, Muslim bin al-Hajjaj, op. cit, j.1, Bab Mustahab Melebihkan Menyapu Air Pada Anggota Wudhu' Ketika Berwudhu', h.218, hadis no.249, Sahih.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوْا وُجُوهُكُمْ وَأَيْدِيکُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوْا بِرُؤُوسِكُمْ
وَأَرْجُلُكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنْبًا فَاطَّهِرُوْا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ حَاءَ أَخْدُ مَنْكُمْ مِنْ
الْعَائِطِ أَوْ لَمْسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوْا مَاءً فَتَيَمَّمُوْا صَعِيدًا طَيْبًا فَامْسَحُوْا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيکُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ
اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حِرْجٍ وَلَكُنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرُكُمْ وَلَيُتَمِّمَ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai ke siku dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai kepada kedua mata kaki, dan jika kamu junub, maka mandilah, dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali dari tempat buang air atau menyentuh wanita, lalu kamu tidak memperoleh air, maka bertayammumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, supaya kamu bersyukur.” (al-Maidah: 6)

Ayat ini menjelaskan perbuatan-perbuatan yang perlu dilakukan semasa berwuduk. Di hujungnya, Allah menjelaskan bahawa ibadah wuduk bukanlah bertujuan untuk menyusahkan seseorang, sebaliknya ia adalah untuk kebaikan manusia itu sendiri. Demikianlah sebahagian daripada mukjizat wuduk kepada manusia yang akan dicungkil dalam kertas kerja ini. Dalam ayat lain, pensyariatan wuduk dengan menggunakan air sebagai agen penyucian telah dinyatakan dalam firman Allah:

﴿وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ حَاءَ أَخْدُ مَنْكُمْ مِنْ الْعَائِطِ أَوْ لَمْسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوْا مَاءً
فَتَيَمَّمُوْا صَعِيدًا طَيْبًا فَامْسَحُوْا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيکُمْ﴾

Maksudnya:

“... dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir atau datang dari tempat membuang air atau kamu telah menyentuh perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air, maka bertayammumlah kamu dengan tanah yang baik (suci), sapulah mukamu dan tanganmu....” (An-Nisa’: 43)

Ayat ini menyatakan mengenai pensyariatan tayammum sebagai ibadah yang boleh menggantikan wuduk dalam keadaan tertentu seperti ketika ketiadaan air, ketika sakit dan sebagainya. Dalam masa yang sama, ia juga menyatakan pensyariatan wuduk yang biasanya menggunakan air sebagai agen penyucian. Demikian juga ayat di atas menyatakan tentang beberapa perkara yang boleh membatalkan wuduk.

Penulis mendapati bahawa dalam al-Quran, hanya terdapat dua ayat di atas sahaja yang menyatakan ibadah wuduk secara langsung. Namun, kalimah wuduk tidak digunakan dalam kedua-dua ayat di atas. Sebaliknya, penjelasan berkaitan wuduk dinyatakan dalam bentuk berikut:

- 1) Al-Maidah, ayat 6: Menjelaskan anggota-anggota wuduk yang wajib dan cara mengerjakan wuduk.
- 2) Al-Nisa', ayat 43: Menyatakan air sebagai agen penyucian wuduk serta beberapa perkara yang boleh membatalkan wuduk.

PENSYARIATAN WUDUK SECARA TIDAK LANGSUNG DALAM AL-QURAN

Dalam beberapa ayat al-Quran, Allah menyatakan pensyariatan wuduk secara tidak langsung. Antaranya firman Allah swt:

﴿لَا يَمْسُأْلُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ﴾

Maksudnya:

“Tidak menyentuhnya kecuali orang-orang yang disucikan.” (al-Waqi’ah: 79)

Imam al-Baidhawi menyatakan bahawa antara maksud ‘الْمُطَهَّرُونَ’ dalam ayat tersebut ialah orang yang suci daripada hadas besar mahupun kecil.¹ Demikian juga pendapat yang sama dinyatakan oleh beberapa ahli tafsir sebagaimana yang disebutkan dalam Tafsir Ibnu bin Kathir,² Tafsir al-Thaalabi,³ Tafsir al-Baghawi,⁴ Tafsir al-Qurtubi berdasarkan pendapat Qatadah⁵ dan lain-lain.

Manakala Ibn Abi Rabah memperincikan lagi tafsir perkataan ‘الْمُطَهَّرُونَ’ dengan maksud orang yang berwuduk.⁶

Oleh itu, ayat ini secara tidak langsung menyatakan pensyariatan wuduk dalam perkataan *Tuhur* iaitu suci. Dalam ayat lain, perkataan ‘لِيَطَهَّرُكُمْ’ digunakan dengan maksud ‘untuk menyucikan kamu’. Firman Allah:

﴿وَنَزَّلْنَا عَلَيْكُم مِّن السَّمَاء مَاء لِيَطَهَّرُكُم بِهِ﴾

Maksudnya:

¹ Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil, Nasiruddin Abu Sa’id ‘Abdullah bin ‘Umar al-Baidhawi, Muhammad ‘Abd al-Rahman al-Mar’ashli (ed.), j. 1, h. 292, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 2010.

² Tafsir al-Qur'an al-'Azim, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Dimashqi, Sami bin Muhammad Salamat (ed.) , j.7, h.545, Beirut: Mu'assasah al-A'lami li al-Matbu'at, 1999.

³ Al-Jawahir al-Hasan fi Tafsir al-Qur'an, 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Makhluf al-Tha'alabi, j.4, h.257, Beirut: Mu'assasah al-A'lami li al-Matbu'at, t.t.

⁴ Ma'lim al-Tanzil, Abu Muhammad bin al-Husain bin Mas'ud al-Baghawi, Muhammad 'Abdullah al-Namr, 'Uthman Jumu'ah Dhamiriyyah dan Sulaiman Muslim al-Harsh (ed.), j.4, h.257, Beirut: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tauzi', 1997.

⁵ Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad Shamsuddin al-Qurtubi, j.17, h.226 Riyad: Dar 'alam al-Kutub, 2003.

⁶ Al-Kashfu wa al-Bayan, Abu Ishaq Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim al-Tha'labi al-Naisabur, j.9, h.220, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-‘Arabi, 2002.

“Dan Allah menurunkan kepadamu hujan dari langit untuk menyucikan kamu dengan hujan itu..” (al-Anfal: 11)

Ayat ini secara tidak langsung menyatakan bahawa air yang suci seperti hujan merupakan salah satu daripada agen penyucian wuduk dan perkataan *Tuhur* sekali lagi digunakan untuk menyatakan pensyariatan wuduk sebagai salah satu daripada kaedah bersuci.

UNSUR KEJADIAN MANUSIA

Manusia dicipta daripada dua unsur utama iaitu jasmani dan rohani. Firman Allah swt:

﴿الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ وَبَدَا خَلْقُ الْإِنْسَانِ مِنْ طِينٍ * ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ مَاءٍ مَّهِينٍ * ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ﴾

Maksudnya:

“Allahlah yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya dan yang memulakan penciptaan manusia daripada tanah. Kemudian dia menjadikan keturunannya dari air yang hina. Kemudian dia menyempurnakan dan meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)Nya...” (Al-Sajadah: 7 - 9)

Tidak dinamakan manusia sekiranya seseorang itu hanya memiliki jasad, tetapi tidak mempunyai roh. Seseorang juga tidak bernama manusia jika dia hanya mempunyai roh, sedangkan jasadnya tidak kelihatan.

Kewujudan jasad tanpa roh dapat dilihat oleh manusia lain sebagai mayat kerana dia tidak lagi bernyawa. Namun, ada juga jasad yang masih bernyawa dengan roh di dalamnya, tetapi roh itu sebenarnya telah mati lantaran tidak dipelihara kebajikan dan makan minumnya sehingga muncul manusia-manusia bersifat haiwan.

Manakala kewujudan roh tanpa jasad pula sememangnya tidak dinamakan manusia kerana makhluk yang tidak berjasad ini biasa dikenali sebagai jin,¹ syaitan, malaikat² atau arwah.³

Tatkala Allah menciptakan manusia daripada jasad dan roh, Allah juga telah mengiringi penciptaan ini dengan perkara-perkara yang mampu memastikan kelangsungan hidup kedua-dua unsur tersebut agar seseorang itu tetap menjadi manusia sehingga Allah memerintahkan Izrail datang mencabut roh dari jasadnya.

Justeru, setiap sesuatu yang Allah perintahkan dengan hukum wajib atau sunnah ke atas seluruh umat Islam, maka di sana pasti akan terdapat unsur penjagaan jasmani dan rohani

¹ Jin adalah makhluk Allah yang dicipta daripada api (rujuk surah al-Hijr, ayat 27) dan tidak dapat dilihat oleh manusia sedangkan mereka dapat melihat manusia (rujuk surah al-A'raf, ayat 27).

² Malaikat dicipta daripada cahaya (rujuk sabda Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Saidatina Aishah ra: ﷺ حَلَقَتْ مَلَائِكَةٌ مِّنْ نُورٍ “Dicipta malaikat itu daripada cahaya...” -Muslim-) dan mempunyai sayap (rujuk surah Fatir, ayat 1).

³ Arwah ialah roh-roh manusia yang telah meninggal dunia, tidak lagi mempunyai jasad kerana rohnya telah reput dimamah bumi.

manusia sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama fitrah. Atas asas inilah, maka mukjizat ibadah wuduk perlu dibicarakan dengan melihat kesannya ke atas jasmani dan rohani manusia secara bergandingan.

MUKJIZAT WUDUK KE ATAS ROHANI MANUSIA

Rohani manusia merupakan unsur kehidupan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Oleh itu, hidup atau matinya rohani tidak dapat diukur oleh manusia. Apa yang mampu diusahakan oleh manusia hanyalah terus melaksanakan ibadah yang pasti dapat membantu kelangsungan hidup rohani seseorang.

Setiap ibadah mempunyai peranan yang berbeza dalam memelihara kepentingan jasmani dan rohani manusia. Salah satu daripada ibadah khusus yang dapat memelihara rohani dan jasmani manusia secara langsung ialah wuduk. Dalam banyak nas hadith dan kalam ulama¹, bahkan melalui kajian saintifik, wuduk terbukti dapat memelihara rohani manusia.

WUDUK MENGGUGURKAN DOSA

Secara rohani, setiap bahagian anggota wuduk merupakan bahagian yang paling kerap dan mudah melakukan dosa. Oleh itu, penyucian fizikal yang dilakukan pada bahagian-bahagian anggota wuduk tidak dapat dipisahkan dengan penyucian rohani terhadap anggota tersebut. Sebagai contoh, mulut adalah bahagian yang paling sering membinasakan manusia kerana dosa mulut itu sangat mudah dilakukan. Lantaran itulah Rasulullah saw memberi peringatan tentang perkara yang dapat menyelamatkan seseorang:

"أَمْسِكْ عَلَيْكَ لِسَانَكَ، وَلْيَسْعُلْ بَيْنَكَ، وَابْنِكَ عَلَى حَطَبَتِكَ"

Maksudnya:

"Peliharalah lidahmu, diamilah rumahmu dan tangisilah dosa-dosamu."¹

Demikian juga tangan yang sering menjadi punca kerosakan di muka bumi sehingga Baginda saw meletakkan ciri-ciri seorang muslim sebagai orang yang terselamat daripada menyakiti muslim yang lain dengan tangan dan lidahnya. Sabda Rasulullah saw:

"الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ"

Maksudnya:

"Seorang Muslim adalah orang yang membuatkan Muslim lain merasa selamat dari lidah dan tangannya."²

¹ Al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa al-Tirmizi, j.4, h.605, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t.

² Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar, Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, op. cit, j.1, h.11.

Anggota-anggota yang sering berdosa ini disucikan dengan wuduk sebagaimana dijelaskan dalam sabda Rasulullah saw:

"إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ الْمُسْلِمُ أَوِ الْمُؤْمِنُ فَعَسَلَ وَجْهَهُ خَرَجَ مِنْ وَجْهِهِ كُلُّ حَطِيقَةٍ نَظَرَ إِلَيْهَا بِعِينَيْهِ مَعَ الْمَاءِ، أَوْ مَعَ آخِرٍ قَطْرِ الْمَاءِ، فَإِذَا غَسَلَ يَدَيْهِ خَرَجَ مِنْ يَدَيْهِ كُلُّ حَطِيقَةٍ بَطَشْتَهَا يَدَاهُ مَعَ الْمَاءِ، أَوْ مَعَ آخِرٍ قَطْرِ الْمَاءِ، فَإِذَا غَسَلَ رَجْلَيْهِ خَرَجَتْ كُلُّ حَطِيقَةٍ مِشْتَهَا رِجْلَاهُ مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخِرٍ قَطْرِ الْمَاءِ حَتَّى يَخْرُجَ نَقِيًّا مِنَ الدُّنُوبِ"

Maksudnya:

"Apabila seorang hamba muslim atau mukmin berwudhu, lalu dia membasuh mukanya maka keluarlah dari mukanya segala dosa yang disebabkan oleh penglihatan matanya bersama dengan air atau bersama titisan air yang terakhir. Apabila dia membasuh kedua tangannya maka keluarlah dari kedua tangannya segala dosa yang disebabkan oleh perbuatan kedua tangannya bersama dengan air atau bersama titisan air yang terakhir. Apabila dia membasuh kedua kakinya maka keluarlah dari kedua kakinya segala dosa yang dilakukan oleh kedua kakinya bersama dengan air atau bersama titisan air yang terakhir sehingga ia keluar dalam keadaan bersih dari segala dosa."¹

Dalam hadith lain, Rasulullah saw bersabda:

"مَنْ تَوَضَّأَ، فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ خَرَجَتْ حَطَابَاتُهُ مِنْ جَسَدِهِ حَتَّى يَخْرُجَ مِنْ تَحْتِ أَظْفَارِهِ"

Maksudnya:

"Barangsiapa berwuduk lalu memperelokkan wuduknya, maka dosa-dosanya akan gugur dari jasadnya hingga keluar juga dari bawah kukunya."²

Dari sudut pandang tasawuf, wuduk dilihat dapat memelihara seseorang daripada 4 musuh rohani iaitu: nafsu, cintakan dunia, syahwat dan syaitan. Pemeliharaan ini akan terus kekal dalam diri seseorang selama dia berterusan mengingati Allah.³

Jelaslah di sini bahawa wuduk bukan hanya merupakan ibadah biasa, bahkan ia mampu menggugurkan dosa yang dilakukan oleh setiap anggota secara khusus dan kelebihan ini tidak ada pada ibadah-ibadah lain.

WUDUK MENDIDIK SIFAT MAHMUDAH

Ibnu ‘Asyur dalam tafsirnya menyatakan bahawa wuduk berperanan penting dalam menyucikan hati orang yang beriman.⁴ Penyucian hati ini berlaku apabila ia bebas dari sifat mazmumah lalu terdidik dengan sifat-sifat mahmudah. Pendidikan yang paling ketara daripada berwuduk ialah

¹ *Sahih Muslim*, Muslim bin al-Hajjaj, *op.cit*, j.1, Bab Gugurnya kesalahan bersama air wudhu', h.215, hadis no.242, Sahih.

² *Ibid.*, j.1, h.216.

³ "The Importance and Meaning of Prayer in Islam", *Voices of Islam: Voices of the Spirit*, MuÍammad Hisham Kabbani, Vincent J.Cornell [et al.] (ed.), h.19, Westport: Praeger Publishers, 2007.

⁴ *Al-Tahrir wa al-Tanwir*, Muhammad al-Tahir bin Muhammad bin Muhammad al-Tahir bin ‘Ashur, j.5, h.69, Tunisia: Al-Dar al-Tunisiyyah li al-Nashar, 1984.

menahan diri dari sifat marah. Wuduk boleh membantu mengawal emosi marah seseorang sebagaimana sabda Rasulullah saw:

"إِنَّ الْعَصَبَ مِنْ الشَّيْطَانِ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ خُلِقَ مِنْ التَّأْرِ وَإِنَّمَا تُطْعَمُ النَّارُ بِالْمَاءِ فَإِذَا غَصِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَتَوَضَّأْ"

Maksudnya:

"Sesungguhnya kemarahan itu datang daripada syaitan. Sesungguhnya syaitan itu dijadikan daripada api. Hanya akan terpadam api itu dengan air. Maka jika kamu merasa marah maka hendaklah kamu berwuduk."¹

Wuduk juga dapat mendidik sifat berjimat cermat kerana Rasulullah saw mengajar kita agar tidak melakukan pembaziran sekalipun dalam melakukan ibadah. Baginda saw pernah menegur Sa'ad ketika melihatnya sedang berwuduk: "مَا هَذَا إِلَّا سُرَافٌ يَا سَعْدٌ" "Pembaziran apakah ini wahai Sa'ad?" Lalu beliau menjawab: "Adakah dalam berwuduk juga ada pembaziran?" Baginda saw menjawab:

"نَعَمْ وَإِنْ كُنْتَ عَلَى نَهْرٍ جَارٍ"

Maksudnya:

"Ya, sekalipun engkau berwuduk di sungai yang mengalir."²

Secara umum, wuduk mendidik sifat amanah dalam diri manusia tatkala seseorang berusaha menyempurnakan wuduknya sekalipun tidak ada sesiapa yang melihat selain Allah. Akhir sekali, telah jelas lagi nyata bahawa wuduk mendidik sifat bersih dalam diri setiap umat Islam.

WUDUK MENGANGKAT DARJAT SEORANG HAMBA DI SISI ALLAH

Ketinggian darjat seseorang di sisi Allah adalah hasil daripada rohani yang hebat kerana Allah sama sekali tidak memandang fizikal manusia, bahkan Dia sentiasa melihat kehebatan rohani manusia untuk menentukan syurga atau nerakanya. Oleh itu, apabila Allah mengangkat darjat seseorang di sisiNya, bermakna ia adalah suatu pengiktirafan terhadap kehebatan rohani insan tersebut.

¹ Sunan Abi Daud, Abu Daud Sulaiman bin al-'Ash'at al-Sajastani, j.4, Bab Mengenai Apa Yang Perlu Dikatakan ketika Marah, h.396, hadis no.4786, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, t.t, Dhaif; *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*, Ahmad bin Hambal, Shu'aib al-Arna'ut [et al.] (ed.), j.29, Hadis 'Atiyyah al-Sa'di, h.505, hadis no.17985, Beirut: Mu'assasah Al-Risalah, 1999, Dhaif.

² *Sunan Ibnu Majah*, Muhammad bin Yazid Abu 'Abdullah al-Qazwini, Muhammad Fu'ad 'Abdul Baqi (ed.), j.1, h.147, Bab Berkenna Kesederhanaan Dalam Berwudhu' dan Mengelakkan Berlebih-lebihan, hadis no.425, Beirut: Dar al-Fikr, t.t; *Musnad al-Imam Ahmad*, Ahmad bin Hambal, op. cit, j.11, Bab Hadis 'Amru bin al-'As, h.636; *Sha'b al-iman*, Ahmad bin al-Husain Abu Bakr al-Baihaqi, 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (ed.), j.4, Bab Hadis Muhammad bin al-'Ansari, h.286, hadis no.2988, Gharib, Riyadh: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi', 2003, Dhaif.

Berwuduk merupakan ibadah yang dapat mengangkat darjat seseorang di sisi Allah sebagaimana sabda Rasulullah saw:

اَلَا اَذْكُرْنَا عَلَى مَا يَمْكُحُ اللَّهُ بِهِ الْخَطَايَا، وَبَرَّئْنَا بِهِ الدَّرَحَاتِ؟

Maksudnya:

“Adakah kalian mahu jika aku tunjukkan sesuatu yang dapat menghapuskan dosa dan mengangkat darjatmu?” Para sahabat menjawab: “Sudah tentu wahai Rasulullah,” lalu Baginda saw bersabda:

إِسْتَأْنَاعَةُ الْوُضُوءِ عَلَى الْمَكَارِهِ...¹

Maksudnya:

“Wuduk yang sempurna untuk membersihkan kekotoran... ”¹

WUDUK DAN AURA MANUSIA

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, aura ialah suasana atau perasaan halus yg menyelubungi diri seseorang atau sesuatu.² Dalam praktik perubatan menggunakan aura, ia diterjemahkan sebagai satu jaluran tenaga yang wujud di persekitaran tubuh manusia, haiwan dan tumbuhan yang hidup dalam jarak 1 hingga 6 inci dari tubuh. Tenaga ini sering digelar sebagai gelombang elektromagnetik.³ Aura ini sangat mempengaruhi karakter, mental, emosi, kesihatan jasmani, kecerdasan dan laluan hidup seseorang.⁴ Aura yang terdapat pada tubuh seseorang juga boleh berubah mengikut masa dan keadaan. Gambar berikut menunjukkan gambaran aura manusia yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar⁵:



Melihat pada kepentingan aura terhadap penjagaan kesihatan jasmani dan rohani manusia, para saintis mula mengkaji mengenai faktor-faktor yang boleh membentuk aura positif dalam diri seseorang. Antaranya, Dr. Sarah Brewer, seorang saintis dalam bidang fizik yang telah mendapati bahawa aliran air pada bahagian tubuh manusia boleh memberi kesan positif kepada aura seseorang.⁶ Dengan itu, wuduk yang merupakan suatu ibadah yang menggunakan air dan dialirkan kepada bahagian tubuh tertentu sudah pasti mampu membentuk aura positif pada diri seseorang.

¹ Sahih Muslim, Muslim bin al-Hajjaj, op. cit, j.1, Bab Keutamaan Wudhu’ Yang Sempurna Untuk Membersihkan Kekotoran, h.219, hadis no.251, Sahih.

² Kamus Dewan Edisi ke-3, A. Aziz Deraman, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.219, 1996.

³ Healing and Balancing, Linda Lee Landon, Torreon: Warm Snow Publishers, h.13, 2002.

⁴ The Complete Book of Auras, Richard Webster, Woodbury: Llewellyn Publications, h. 9, 2010.

⁵ The Metempyrion Foundation, http://www.metempyrion.org/scans_the_aura.html, 30 Disember 2011.

⁶ Healing With Magnetic Therapy, Sarah Brewer, h. 50, Birmingham: D. Jay Ltd., 2002.

Menurut Professor Emeritus Dr. Sir Norhisham Wahab, pengasas Terapi Getaran Warna (CVT)¹, mengambil wuduk atau kerap mandi adalah rahsia insan yang sebenarnya dapat mengimbangi haba dan persekitaran tubuh yang tidak dapat diselubungi oleh aura yang buruk dan merugikan. Mengelakkan wuduk dapat memelihara semua deria atau pancaindera daripada gelombang jarak jauh yang melalaikan. Kuman atau unsur-unsur tenaga jahat juga dapat ditundukkan apabila meminum air yang mencukupi, berwuduk dan mandi.²

Menurut suatu kajian yang dijalankan oleh Persatuan Mahasiswa Islam Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia, air sejuk lebih peka kepada gelombang frekuensi rendah yang dirakamkan melalui niat dalam amalan berwuduk.³ Kajian ini membuktikan bahawa niat ketika berwuduk juga memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk aura yang baik dalam tubuh badan manusia apabila niat tersebut mengubah molekul air kepada bentuk yang lebih baik. Demikian juga berwuduk menggunakan air dingin adalah lebih baik berbanding air panas atau suam.

Kesimpulannya, aura adalah unsur tenaga bagi roh manusia yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan unsur ini mampu dijanakan menjadi positif melalui amalan berwuduk.

MUKJIZAT WUDUK KE ATAS JASMANI MANUSIA

Secara fizikal, wuduk sangat memberi kesan kepada jasmani manusia khususnya dari sudut kebersihan dan kesihatan tubuh badan seseorang.

WUDUK DAN KEBERSIHAN DIRI

Air merupakan keperluan asas dalam kehidupan manusia yang digunakan sebagai agen pembersihan dan penyucian. Penggunaan air untuk berwuduk menunjukkan bahawa ibadah ini sangat berkait-rapat dengan kebersihan diri manusia secara langsung kerana umum mengetahui bahawa air mutlak yang digunakan untuk berwuduk merupakan air yang suci lagi bersih dan boleh digunakan untuk membersihkan serta menyucikan sesuatu.

Wuduk mendidik umat Islam semenjak usia kanak-kanak agar bertanggungjawab dalam memelihara kebersihan diri.⁴ Setiap hari anggota tubuh manusia pasti akan melakukan pekerjaan yang menjadi punca kekotoran dan penyakit pada jasmani manusia. Anggota yang paling banyak

¹ CVT ialah suatu bentuk perubatan tradisional yang menggunakan warna dan unsur alam untuk mengubati penyakit hasil gabungan idea antara pakar-pakar sains fizik dan kimia, juga melibatkan petua-petua tradisional dan para pengkaji al-Quran dan al-Sunnah.

² Geocities Web Archives, <http://www.geocities.ws/m2uweb/sihat8.htm>, 29 Disember 2011.

³ Persatuan Mahasiswa Islam Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia, http://pmi.eng.usm.my/v2/index.php?option=com_content&task=view&id=300, 30 Disember 2011.

⁴ “The Path of Clarification” (Makalah, Putting Islam to Work: Education, Politics and Religious Transformation in Egypt), Pierre Bourdieu and Jean-Claude Passeron, Gregory Starrett (ed.), h.141, England: University of California Press, 1998; “Children and The Five Pillars of Islam: Practicing Spirituality in Daily Life” (Makalah, Nurturing Child And Adolescent Spiritually: Perspectives From The World’s Religious Traditions, Afeefa Syeed and Nusaybah Ritchie, Karen Marie Yust [et al.] (ed.), h. 300, Maryland: The Rowman & Littlefield Publishing Group, 2006.

melakukan pekerjaan ialah tangan, kemudian kaki dan seterusnya mulut dan hidung. Manakala anggota lain yang biasanya terdedah kepada debu dan kuman ialah muka, telinga dan kepala. Justeru, wuduk dilakukan dengan menyapukan air ke bahagian-bahagian ini agar kuman dan kotoran yang menjadi punca pelbagai penyakit tidak dapat bertapak lama pada anggota tubuh manusia.

Dalam satu kajian ke atas kandungan bakteria yang terdapat dalam air yang telah digunakan untuk berwuduk di masjid-masjid, madrasah dan pejabat-pejabat sekitar Mekah dan Jedah di Arab Saudi mendapati bahawa di dalam air tersebut terdapat kandungan bakteria kolon yang sangat tinggi. Hal ini berlaku kerana kebanyakan orang yang berwuduk akan membuang air besar atau air kecil terlebih dahulu. Oleh itu, tangan mereka membawa bakteria yang datang dari usus manusia. Ketika membasuh tangan untuk berwuduk, bakteria tersebut akan jatuh ke dalam air bekas wuduk mereka.¹ Ini membuktikan bahawa wuduk sememangnya mampu membersihkan tubuh badan manusia daripada sebarang bakteria dan kuman.

Kesimpulannya, pertalian rapat antara wuduk dan kebersihan diri terletak pada dua perkara utama iaitu:

- a) *Agen penyucian:* Air mutlak yang bersih lagi suci yang digunakan untuk berwuduk membuktikan bahawa ibadah ini tidak dapat dipisahkan dengan kebersihan diri.
- b) *Anggota-anggota wuduk:* Anggota yang disucikan ketika berwuduk merupakan bahagian anggota yang paling mudah terkena kotoran dan najis kerana ia biasanya terdedah dan sering digunakan untuk melakukan pekerjaan seperti tangan, kaki, muka dan sebagainya.

WUDUK DAN KESIHATAN JASMANI

Wuduk merupakan satu agen penyucian fizikal manusia dan ia adalah rukun bagi kesihatan tubuh badan. Dari sudut saintifik, bahagian tubuh yang dibersihkan ketika berwuduk merupakan bahagian terdedah yang sentiasa menjadi tumpuan mikro organisma pembawa penyakit. Apabila berwuduk, bahagian kulit tersebut dibersihkan sekaligus dapat menghindarkan pelbagai jenis penyakit kulit.²

Secara khusus, setiap anggota wuduk yang dibersihkan pula sangat berkait-rapat dengan pemeliharaan kesihatan tertentu bagi anggota tersebut. Antaranya ialah berkumur yang dapat memelihara mulut dan tekak daripada pelbagai radang, melindungi gusi daripada bernanah,

¹ “Ablution Water: Prospects for Reuse in Flushing of Toilets at Mosques, Schools, and Offices in Saudi Arabia”, ‘Umar Siraj Abu Rizaizah, *Jurnal Sains Kejuruteraan*, j.14 Bil.2, ISSN: 1319-1047, 2002-2003, h.18, Jedah: King Abdul Aziz University.

² *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam al-Quran dan al-Sunnah*, Yusuf al-Hajj Ahmad, Abu Maula, Abu Hana dan Agus Irawan (terj.), h.985, Batu Caves: Al-Hidayah Publication, 2010; When Theory Is Data: Coming To Terms With “Culture” As A Way Of Life”, *Explaining Culture Scientifically*, Gregory Starret, h.259, “Washington: University of Washington Press, 2008.

melindungi gigi dari mudah reput dan membersihkannya daripada sisa makanan yang melekat di celah gigi. Berkumur juga merupakan senaman yang dapat menguatkan otot wajah. Selain itu, membersihkan lubang hidung ketika berwuduk dapat menjauahkan bakteria yang masuk melalui hidung daripada dipindahkan ke bahagian organ tubuh lain dalam badan manusia yang menjadi punca pelbagai penyakit. Membasuh muka dan tangan pula dapat membersihkan permukaan kulit yang berminyak dan sangat terdedah kepada bakteria di mana sekiranya ia tidak dibersihkan secara rutin, maka kulit akan menjadi sarang pembiakan bakteria dan mikro organisma. Membasuh kedua kaki dapat memberi ketenangan kepada seseorang seolah-olah dia membela seluruh tubuhnya kerana kaki menyimpan titik refleksi yang bersambung dengan seluruh anggota tubuh manusia.¹

Dalam ilmu perubatan Islam, Ibnu Qayyim menyebut tentang wuduk yang diperintahkan oleh Rasulullah saw agar dilakukan selepas memakan daging unta² adalah berperanan untuk menyejukkan kembali tubuh badan kerana daging unta bersifat panas.³ Penyejukan ini diperlukan bagi mengelak daripada berlakunya sebarang penyakit yang berpunca daripada kepanasan badan yang melampau.

Menurut ilmu perubatan akupunktur, wuduk mampu mengatasi masalah insomnia jika dilaksanakan dengan cara yang tepat sesuai dengan hukum ilmu akupunktur.⁴ Akupunktur juga mampu mengekang nafsu makan⁵ dan pelbagai penyakit lain. Perubatan akupunktur yang telah diamalkan oleh masyarakat Cina semenjak berabad yang lalu ini adalah berasaskan titik-titik akupunktur pada anggota tubuh manusia di mana titik ini adalah penerima rangsangan sentuhan berupa basuhan, gosokan, usapan, urutan dan tekanan. Rangsangan tersebut akan mampu mengubati pelbagai penyakit yang terdapat dalam badan manusia.

Rawatan tradisional Cina ini dipercaya menjadikan 2000 titik akupunktur pada badan seseorang sebagai aliran tubuh manusia dimana ia akan berhubung dengan 20 aliran (14 aliran terbesar dan 6 aliran tambahan) yang dipanggil ‘meridian’ dan antara bahagian tubuh yang mempunyai aliran ini ialah bahagian telinga, tangan, tapak kaki, kulit kepala dan otak.⁶ Bahagian-bahagian tubuh ini merupakan sebahagian daripada anggota wuduk. Selain itu, terdapat beribu-

¹ *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam al-Quran dan al-Sunnah*, Yusuf al-Hajj Ahmad, *op.cit*, h.984.

² *Sahih Muslim*, Muslim bin al-Hajjaj, *op. cit*, j.1, Bab Mengambil Wudhu’ Kerana Memakan Daging Unta, h.275, hadis no.359, Sahih.


³ *Al-Tibb al-Nabawi*, Shamsuddin Muhammad bin Abi Bar bin Ayyub al-Dimasyqi, ‘Abd al-Ghani ‘Abd al-Khalil (ed.), h.293, Beirut: Dar al-Fikr, t.t.

⁴ *Mukjizat Berwudhu’*, Oan Hasanuddin, h.77, Jakarta: Qultum Media, 2007.

⁵ “Akupunktur kekang nafsu makan,” *Kosmo*, Mei 14, 2010:2.

⁶ Rawatan Akupunktur, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, <http://www.yadim.com.my/Kesihatan/KesihatanFull.asp?Id=109>, 20 Disember 2011.

ribu titik akupunktur lagi yang terdapat pada anggota wuduk lain seperti muka, kaki dan sebagainya. Gambar berikut menunjukkan titik akupunktur yang terdapat pada anggota wuduk¹:



Melihat kepada sejumlah titik akupunktur yang terdapat pada anggota wuduk ini, maka berwuduk dengan cara yang betul sudah pasti akan dapat membantu seseorang menjalankan

¹ Acupuncture Posters, AcupunctureProducts.com, Acupuncture_Ear_Hand_Microsystems.jpg, 15 Disember 2011.

<http://www.acupunctureproducts.com/new2010/>

terapi akupunktur, sekaligus menghindarkan seseorang daripada penyakit-penyakit kronik yang berkaitan dengan organ-organ dalaman manusia.

Secara keseluruhan, Ibnu Qayyim dalam kitabnya *al-Tibb al-Nabawi*, telah menyenaraikan wuduk sebagai salah satu daripada aktiviti yang dapat memelihara kesihatan diri.¹ Kini, fakta tersebut telah dibuktikan secara nas dan bukti saintifik.

PENUTUP

Dalam al-Quran, ibadah wuduk hanya dinyatakan sekali sahaja secara jelas dan nyata, namun ia tidak menggunakan perkataan wuduk untuk menjelaskan ibadah tersebut. Al-Quran banyak menggunakan perkataan bersuci untuk menjelaskan ibadah wuduk sebagaimana yang telah dijelaskan oleh para mufassirin.

Di sebalik pensyariatan wuduk, terdapat pengaruh luar biasa terhadap tubuh badan manusia samada secara jasmani mahupun rohani. Oleh itu, ibadah wuduk yang dilaksanakan dengan kaedah yang tepat sepatutnya dapat menghindarkan umat Islam daripada pelbagai penyakit kronik yang berkaitan dengan organ-organ dalaman manusia. Demikian juga wuduk sebenarnya boleh menjadi terapi yang baik dalam mengubati pelbagai penyakit. Oleh itu, umat Islam seharusnya sentiasa berusaha untuk berwuduk dan mengekalkannya selagi tidak ada keuzuran yang menghalang.

BIBLIOGRAFI

- “Ablution Water: Prospects for Reuse in Flushing of Toilets at Mosques, Schools, and Offices in Saudi Arabia”, ‘Umar Siraj Abu Rizaizah, *Jurnal Sains Kejuruteraan*, j.14 Bil.2, ISSN: 1319-1047, 2002-2003, Jedah: King Abdul Aziz University.
- “Akupunktur kekang nafsu makan,” *Kosmo*, Mei 14, 2010:2.
- “Children and The Five Pillars of Islam: Practicing Spirituality in Daily Life”, *Makalah, Nurturing Child And Adolescent Spiritually: Perspectives From The World’s Religious Traditions*, Afeefa Syeed and Nusaybah Ritchie, Karen Marie Yust [et al.] (ed.), Maryland: The Rowman & Littlefield Publishing Group, 2006.
- “The Importance and Meaning of Prayer in Islam”, *Voices of Islam: Voices of the Spirit*, Muammad Hisham Kabbani, Vincent J.Cornell [et al.] (ed.), Westport: Praeger Publishers, 2007.
- “The Path of Clarification” (Makalah, Putting Islam to Work: Education, Politics and Religious Transformation in Egypt), Pierre Bourdieu and Jean-Claude Passeron, Gregory Starrett (ed.), England: University of California Press, 1998.

Acupuncture Posters, AcupunctureProducts.com, http://www.acupunctureproducts.com/new2010/Acupuncture_Ear_Hand_Microsystems.jpg, 15 Disember 2011.

¹ *al-Tibb al-Nabawi*, op. cit, h.193.

- Al-Jawahir al-Hasan fi Tafsir al-Qur'an*, 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Makhluf al-Tha'labi, Beirut: Mu'assasah al-A'lam li al-Matbu'at, t.t.
- Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad Shamsuddin al-Qurtubi, Riyadh: Dar 'alam al-Kutub, 2003.
- Al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmizi*, Muhammad bin 'Isa al-Tirmizi, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t.
- Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah saw wa Sunan ihi wa Ayyam ihi*, Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, Mu'lammad Zuhair bin Nasir al-Nasir (ed.), t.t: Dar Tuq al-Najah, 1422H;
- Al-Kashfu wa al-Bayan*, Abu Ishaq Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim al-Tha'labi al-Naisaburi, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2002.
- Al-Qamus al-Muhit*, Muhammad bin Ya'qub al-Fairuzabadi, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1998.
- Al-Tahrir wa al-Tanwir*, Muhammad al-Tahir bin Muhammad bin Muhammad al-Tahir bin 'Ashur, Tunisia: Al-Dar al-Tunisiyyah li al-Nashar, 1984.
- Al-Ta'rifat*, 'Ali bin Muhammad bin 'Ali al-Jurjani, Ibrahim al-Abyari (ed.), Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, 1405H.
- Al-Taufiq 'Ala Muhimmat al-Ta'arif*, Muhammad 'Abdul Rauf al-Minawi, Muhammad Ridhwan al-Dayah (e.d), Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 1410 H
- Al-Tibb al-Nabawi*, Shamsuddin Muhammad bin Abi Bar bin Ayyub al-Dimasyqi, 'Abd al-Ghani 'Abd al-Khalil (ed.), Beirut: Dar al-Fikr, t.t.
- Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Nasiruddin Abu Sa'id 'Abdullah bin 'Umar al-Baidhawi, Muhammad 'Abd al-Rahman al-Mar'ashli (ed.), Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2010.
- Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam al-Quran dan al-Sunnah*, Yusuf al-Hajj Ahmad, Abu Maula, Abu Hana dan Agus Irawan (terj.), Batu Caves: Al-Hidayah Publication, 2010.
- Geocities Web Archives, <http://www.geocities.ws/m2uweb/sihat8.htm>, 29 Disember 2011.
- Healing and Balancing*, Linda Lee Landon, Torreon: Warm Snow Publishers, 2002.
- Healing With Magnetic Therapy*, Sarah Brewer, Birmingham: D. Jay Ltd., 2002.
- Kamus Dewan Edisi ke-3*, A. Aziz Deraman, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, Hajah Noresah bt Baharom, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*, 'Abdul Rahman bin Abi Bakr bin Muhammad al-Suyuti, Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum, t.t.
- Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*, Manna' al-Qattan, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1997.
- Ma'alim al-Tanzil*, Abu Muhammad bin al-Husain bin Mas'ud al-Baghawi, Muhammad 'Abdullah al-Namr, 'Uthman Jumu'ah Dhamiriyyah dan Sulaiman Muslim al-Harsh (ed.), Beirut: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tauzi', 1997.
- Mukjizat Berwuduk*, Oan Hasanuddin, Jakarta: Qultum Media, 2007.
- Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*, Ahmad bin Hambal, Shu'aib al-Arna'ut [et al.] (ed.), Beirut: Mu'assasah Al-Risalah, 1999.
- Sahih Muslim*, Muslim bin al-Hajjaj Abi al-Hasan al-Naisaburi, Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (ed.), Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2010.

- Persatuan Mahasiswa Islam Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia,
http://pmi.eng.usm.my/v2/index.php?option=com_content&task=view&id=300, 30/12/2011.
- Rawatan Akupunktur, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia,
http://www.yadim.com.my/Kesihatan/_KesihatanFull.asp?Id=109, 20 Disember 2011.
- Sha'b al-iman*, Ahmad bin al-Husain Abu Bakr al-Baihaqi, 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (ed.), Riyadh: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi', 2003.
- Sunan Abi Daud, Sulaiman bin al-'Ash'at al-Sajastani, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, t.t.
- Sunan Ibnu Majah*, Muhammad bin Yazid Abu 'Abdullah al-Qazwini, Muhammad Fu'ad 'Abdul Baqi (ed.), Beirut: Dar al-Fikr, t.t
- Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Dimashqi, Sami bin Muhammad Salamat (ed.), Beirut: Mu'assasah al-A'lam li al-Matbu'at, 1999.
- The Complete Book of Auras*, Richard Webster, Woodbury: Llewellyn Publications, 2010.
- The Metempyrion Foundation, http://www.metempyrion.org/scans_the_aura.html, 30/12/2011.
- When Theory Is Data: Coming To Terms With "Culture" As A Way Of Life", *Explaining Culture Scientifically*, Gregory Starrett, "Washington: University of Washington Press, 200